



JABATAN PERTANIAN

Department of Agriculture

Unit Komunikasi Korporat

Aras 14 & 17, Blok 4G2, Wisma Tani
No. 30 Persiaran Perdana, Presint 4
62624 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Telefon : 603-8870 3050/3038
Faks : 603-8870 3044
E-mel : pro @doa.gov.my
Portal Rasmi : www.doa.gov.my

SIARAN MEDIA

MAJLIS PERASMIAN SIMPOSIUM PENGEMBANGAN SUBSEKTOR TANAMAN JABATAN PERTANIAN TAHUN 2025

KLANG, 10 Julai 2025 – Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu hari ini telah merasmikan Simposium Pengembangan Subsektor Tanaman Tahun 2025 anjuran Jabatan Pertanian. Program selama tiga hari itu menghimpunkan lebih 500 peserta yang terdiri daripada pengeluar dan pengeksport tanaman makanan serta produk industri asas tani (IAT), wakil persatuan, pengusaha pertanian, pegawai pengembangan dan wakil agensi berkaitan dari seluruh negara.

Menurut Datuk Seri Mohamad Sabu, penganjuran simposium bertemakan “*Teknologi dan Inovasi, Pemacu Pertanian Lestari*” amat bertepatan dengan usaha Kerajaan dalam mentransformasi sektor pertanian negara agar lebih moden, mampan dan berdaya saing. Katanya, pelaburan dalam teknologi pertanian perlu terus digalakkan melalui kerjasama strategik antara agensi, usahawan dan pemain industri. Sehubungan itu, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) meneruskan pelaksanaan Insentif Cukai Galakan bagi Projek Pengeluaran Bahan Makanan yang diluluskan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967. “Sejak diperkenalkan pada tahun 2001, sebanyak 259 syarikat telah mendapat manfaat dengan keluasan projek subsektor tanaman mencecah 11,412 hektar dan jumlah pelaburan bernilai RM1.82 bilion,” katanya.

Dalam majlis berkenaan, beliau turut melancarkan e-AgroLaporan yang dibangunkan secara integrasi dengan Sistem GeoTanaman. Modul ini membolehkan data pelaporan subsektor tanaman dihantar secara masa nyata dan disatukan di peringkat pusat, sekaligus mempercepat tindakan susulan sekiranya berlaku serangan penyakit atau bencana, selain membolehkan analisis data berskala besar dilaksanakan secara lebih cekap dan tepat. “Saya menyeru semua petani untuk mendaftar dalam Sistem GeoTanaman dan bekerjasama rapat dengan pegawai pengembangan Jabatan Pertanian di daerah masing-masing,” tambah beliau.

Sementara itu, Ketua Pengarah Pertanian, Dato’ Nor Sam binti Alwi berkata, seminar ini merupakan platform perkongsian berkaitan insentif, dana dan pembiayaan teknologi melalui pembentangan kertas kerja berkaitan keterjaminan makanan, perubahan iklim dan adaptasi teknologi moden. Turut diadakan sesi padanan

perniagaan bersama pasar raya utama, perkongsian kejayaan usahawan bimbingan Jabatan, serta pameran melibatkan agensi kerajaan dan syarikat teknologi.

Majlis turut menyaksikan penyampaian Anugerah Pengembangan Pertanian, Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) dan Anugerah Inovasi Teknologi Pertanian kepada pegawai pengembangan, petani serta kumpulan yang menunjukkan kecemerlangan prestasi dan amalan inovatif dalam sektor pertanian.

Turut hadir, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) KPKM, Datuk Seri Norazman bin Ayob, Ketua Pengarah Pertanian, Dato' Nor Sam binti Alwi dan pegawai-pegawai kanan Jabatan dan Agensi KPKM.

###

JABATAN PERTANIAN KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)

Unit Komunikasi Korporat | Jabatan Pertanian

Tel : 03-8870 3102 / 3042 / 3038 / 3050 E-mel : pro@doa.gov.my Faks : 03-8888 3044



@mydoaHQ



@myDOA_HQ



@tvpertanian



@mydoa



@mydoa_hq